

Malaysia-Indonesia setuju hanya guna satu saluran rasmi urus TKI
Astro Awani
6 Februari 2015

PUTRAJAYA: Indonesia dan Malaysia hari ini mencapai kesepakatan dalam beberapa perkara bilateral seperti hal perbatasan maritim isu nelayan, pengurusan tenaga kerja dan perdagangan demi kemajuan dan hubungan jangka panjang kedua-dua negara.

Persetujuan tersebut dicapai dalam sebuah mesyuarat delegasi antara Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Presiden Indonesia Joko Widodo bersama barisan menteri serta pegawai kerajaan masing-masing di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya sebentar tadi.

Ketika sidang media bersama selepas mesyuarat itu, Joko Widodo atau lebih mesra disapa sebagai Jokowi turut mengulas tentang isu tenaga kerja Indonesia, TKI, khususnya golongan yang bekerja sebagai pembantu rumah.

Kata Jokowi, kedua-dua negara bersetuju untuk memastikan kemasukan TKI ke Malaysia hanya melalui satu saluran rasmi sahaja.

"Khusus mengenai tenaga kerja Indonesia (TKI), kita akan gunakan satu saluran tersebut sehingga hal ehwal perlindungan terhadap TKI di Malaysia dapat dilakukan bersama," ujar Jokowi.

Menurut Najib pula, setakat ini lebih 4,000 pembantu rumah masuk ke negara ini dengan saluran rasmi manakala 105,000 orang lagi menggunakan saluran yang tidak rasmi.

Tambah beliau, dengan mewujudkan satu saluran, ia dapat memelihara kepentingan pembantu rumah, menyediakan latihan yang mencukupi dan memberi perlindungan yang sewajarnya kepada golongan berkenaan.

Persempadanan maritim dan isu nelayan

Sementara itu Najib dalam sidang media yang sama memaklumkan mengenai isu persempadanan maritim. Katanya jawatankuasa teknikal telah bermesyuarat sebanyak 26 kali sebelum ini namun belum menunjukkan hasil yang boleh memperlihatkan kemajuan yang signifikan.

"Oleh itu, kami berdua bersetuju untuk meneruskan usaha penyelesaian persempadanan maritim berdasarkan kepada trek jawatankuasa teknikal yang melapor pada Menteri Luar dan mesyuarat selanjutnya akan diadakan pada 26 Februari ini.

"Kami juga bersetuju untuk melantik *special envoy* (pegawai khas) untuk mengadakan rundingan secara eksploratif peringkat pertama, bagi mencari formula yang kebarangkaliannya diterima pemerintah dan rakyat kedua-dua negara," ujar beliau.

Mengenai isu pencerobohan nelayan, kedua-dua negara bersepakat bahawa mana-mana nelayan yang berada di zon perairan pertindihan hanya akan dihalau pulang, manakala nelayan yang melepasi sempadan perairan tersebut akan dikenakan tindakan undang-undang di negara yang dicerobohnya.

Sekolah Indonesia

Dalam hal berkaitan, Najib juga menyatakan persetujuan terhadap permintaan Indonesia mengenai penubuhan sekolah-sekolah Indonesia atau Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC) bagi keperluan pekerja-pekerja Indonesia di Malaysia dan anak-anak mereka.

"Di Sabah sudah ada 50 buah sekolah berkenaan. Kerajaan negeri Sarawak juga telah memberi persetujuan supaya diwujudkan sekolah-sekolah yang sama di negeri tersebut.

Usaha tersebut dilihat selari dengan ketetapan oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) bahawa hak untuk mendapat pendidikan merupakan hak universal yang tidak boleh dinafikan.

Ekonomi dan pelaburan

Selain daripada dua isu besar tersebut, kedua-dua pemimpin itu turut membuka pintu kerjasama ekonomi dan pelaburan untuk diterokai bersama.

"Pada masa sekarang ini, mengikut statistik pelaburan Malaysia ke Indonesia adalah bernilai AS\$3.97 bilion dari tempoh tahun 2008 hingga September 2014, manakala pelaburan Indonesia ke negara ini adalah berjumlah AS\$1.89 bilion.

"Saya telah nyatakan kepada Bapak Presiden (Jokowi) bahawa Malaysia amat mengalu-alukan pelabur-pelabur dari Indonesia untuk melabur di Malaysia," ujar Najib yang menambah bahawa Jokowi juga positif untuk menerima masuk para pelabur dari Malaysia ke negaranya.

Sementara itu, Jokowi menjelaskan tentang beberapa peluang utama pelaburan yang dibuka di republik berkenaan. Antara peluang pelaburan yang dipelawa Jokowi untuk diterokai para pelabur Malaysia adalah dalam pembangunan infrastruktur seperti pelabuhan, jalan keretapi, lapangan terbang dan kilang tenaga.

Najib dalam sidang akhbar tersebut menyatakan bahawa kunjungan pertama Jokowi sebagai presiden ke Malaysia amat bermakna bagi meneruskan tradisi dan mengukuhkan sebuah hubungan penting dan strategik berasaskan kebersamaan sejarah, agama serta sentimen.

Pada sebelah petang, Najib dan Jokowi bersama Pengerusi Proton, Tun Dr Mahathir Mohamad menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara PROTON Holdings Berhad (Proton) dengan syarikat dari Indonesia, PT Adiperkasa Citra Lestari (PT ACL) bagi mengukuhkan kerjasama antara Malaysia dan Indonesia dalam usaha pembangunan dan pembinaan kereta tempatan Indonesia.

Mewakili Proton pada majlis tersebut adalah Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Harith Abdullah dan disaksikan oleh Duta Malaysia di Indonesia, Datuk Seri Zahrain Mohamed Hashim sementara mewakili PT ACL adalah Ketua Pegawai Eksekutifnya, Abdullah Mahmud Hendropriyono dan disaksikan oleh Duta Indonesia di Malaysia, Herman Prayitno.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2015 (535275-D). All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/najib-adakan-pertemuan-empat-mata-dengan-presiden-indonesia-53464>